UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA
SEMINAR HARI MUZIUM ANTARABANGSA MALAYSIA 2025
'*The Future of Museums in Rapidly Changing Communities*'

KUALA LUMPUR, 18 Mei – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025. Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di M Resort & Hotel, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Bertemakan '*The Future of Museums in Rapidly Changing Communities',* seminar ini merupakan anjuran JMM*,* Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah. Seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha JMM untuk memperkukuh peranan muzium sebagai institusi yang relevan dan memberi impak kepada pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Tiga sub-tema utama telah dipilih dalam seminar ini iaitu *Intangible Heritage, Youth Power, dan New Technologies* yang telah mengupas cabaran dan peluang untuk muzium beradaptasi dalam dunia yang cepat berubah. Selain itu, seminar ini turut menyediakan platform untuk perkongsian pengetahuan antara profesional muzium serantau dan antarabangsa serta memperkukuh rangkaian kerjasama antarabangsa dalam bidang permuziuman.

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata **"Muzium bukan sekadar tempat menyimpan artifak; ia menyediakan tempat bagi penceritaan, pembentukan identiti, dan penyatuan komuniti. Dengan mendukung transformasi digital, kita bukan sahaja memelihara warisan lalu, malah turut membentuk masa depan kita."**

Beliau turut memaklumkan bahawa Malaysia merupakan rumah kepada 232 muzium, merangkumi muzium peringkat persekutuan, institusi yang dikendalikan oleh negeri, koleksi persendirian, dan muzium peribadi. Institusi-institusi ini bukan sekadar penjaga sejarah kita; ia adalah pusat yang hidup dan aktif dalam memelihara warisan serta memupuk perpaduan dan keterangkuman nasional.

Seramai kira-kira 300 orang peserta yang terdiri daripada para pengamal muzium, penyelidik, ahli akademik, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam pendigitalan muzium telah menyertai Seminar Hari Muzium Antarabangsa 2025 ini.

Kementerian Perpaduan Negara
18 Mei 2025
KPN.100-9/1/16 (**35**)